

## **Kempen #SaveUp - Terma & Syarat**

1. Kempen #SaveUp (“Kempen”) bermula pada 1 Oktober 2021 dan tamat pada 31 Januari 2022 (termasuk kedua-dua tarikh), melainkan diberitahu sebaliknya (“Tempoh Kempen”).
2. Kempen ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) (“Maybank”) dan tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat berikut (“**Terma dan Syarat**”).
3. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (rujuk Klausa 4) bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat ini dan segala keputusan yang dibuat oleh Maybank berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

### **Kelayakan**

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pemegang akaun Maybank baharu dan sedia ada (yang terdiri daripada pemegang akaun individu dan akaun bersama) (“Pelanggan Yang Layak”) daripada senarai akaun yang mengambil bahagian berikut (“Akaun Penyertaan”):

- |   |   |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank2u.Premier</li><li>• Akaun Simpanan Kawanku</li><li>• Akaun Personal Saver</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank2u Savers</li><li>• Akaun Simpanan Asas</li><li>• Akaun Simpanan Golden Savers</li></ul> |
|---|---|

Maybank adalah ahli PIDM.

Semua Akaun Penyertaan Konvensional dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

5. Untuk akaun bersama, hanya pemegang akaun utama sahaja akan dianggap sebagai Pelanggan Yang Layak. Begitu juga untuk ‘*Group MAE Tabung*’, hanya pencipta Tabung sahaja akan dianggap sebagai Pelanggan Yang Layak.
6. Baki di dalam MAE Tabung yang berkait dengan Akaun Penyertaan turut layak menyertai Kempen ini.
7. Semua kakitangan Maybank tidak layak menyertai Kempen ini.

### **Kriteria Kelayakan & Mekanisma Kempen**

8. Untuk melayakkan diri dalam cabutan hadiah Kempen ini, Pelanggan Yang Layak mesti memenuhi kriteria yang berikut:

#### **Hadiah Bulanan**

- i. Membuka/Memegang mana-mana Akaun Penyertaan;
- ii. Minimum penambahan Baki Purata Harian (“BPH”) sebanyak RM2,000 dalam Akaun Penyertaan bagi bulan tersebut / Minimum penambahan BPH sebanyak RM1,000 dalam MAE Tabung yang berkait dengan Akaun Penyertaan bagi bulan tersebut
- iii. Garis dasar yang digunakan bagi pengiraan penambahan BPH ialah garis dasar bergerak, iaitu BPH dalam Akaun Penyertaan dari bulan sebelum (atau RM2,000, yang mana lebih tinggi) / BPH dalam MAE Tabung yang berkait dengan Akaun Penyertaan dari bulan sebelum (atau RM1,000, yang mana lebih tinggi)

iv. Penyertaan/penyertaan bonus untuk cabutan hadiah tertera di dalam jadual berikut.

Transaksi/Aktiviti	Bilangan penyertaan/penyertaan bonus yang diterima
Setiap penambahan RM2,000 BPH dalam Akaun Penyertaan	Lima (5) penyertaan
Setiap penambahan RM1,000 BPH dalam MAE Tabung yang berkait dengan Akaun Penyertaan	Lima (5) penyertaan
Pemegang akaun Maybank2u.Premier & Maybank2u Savers	Lima (5) penyertaan bonus*
Mendaftar untuk Kempen dalam talian melalui Maybank2u	Lima (5) penyertaan bonus*

\*Tertakluk kepada memenuhi kriteria penambahan BPH.

#### Hadiah Istimewa

i. Memenuhi kriteria 'Hadiah Bulanan' bagi setiap bulan dalam Tempoh Kempen.

9. Penyertaan bagi cabutan hadiah bulanan tidak terkumpul kepada penyertaan bagi cabutan hadiah istimewa. (Rujuk kepada lampiran untuk contoh ilustrasi pengiraan penyertaan.)

10. Semua Pelanggan Yang Layak bakal menerima satu (1) penyertaan dalam cabutan hadiah istimewa apabila memenuhi kriteria.

11. Pengiraan penambahan BPH bagi cabutan hadiah bulanan adalah seperti berikut:

i. Pelanggan Baharu (pada bulan pertama pembukaan akaun):

$$\text{Penambahan BPH bulan tersebut} = \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dari tarikh pembukaan akaun sehingga akhir bulan}}{\text{Bilangan hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga akhir bulan}} - \text{Garis Dasar}$$

ii. Pelanggan Sedia Ada & Pelanggan Baharu (bulan kedua pembukaan akaun dan seterusnya):

$$\text{Penambahan BPH bulan tersebut} = \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian pada bulan berkenaan}}{\text{Bilangan hari dalam bulan berkenaan}} - \text{Garis Dasar}$$

12. Pengiraan Garis Dasar adalah seperti berikut:

- i. Bagi pelanggan baharu yang membuka Akaun Penyertaan dalam Tempoh Kempen, Garis Dasar bagi bulan pertama pembukaan akaun adalah sifar (0).
- ii. Bagi MAE Tabung baharu yang berkait dengan Akaun Penyertaan, Garis Dasar bagi bulan pertama penubuhan Tabung adalah sifar (0).
- iii. Bagi pelanggan sedia ada (dan bulan kedua pembukaan akaun bagi pelanggan baharu), Garis Dasar adalah BPH dalam Akaun Penyertaan dari bulan sebelum (atau RM2,000, yang mana lebih tinggi)
- iv. Bagi MAE Tabung sedia ada yang berkait dengan Akaun Penyertaan (dan bulan kedua penubuhan Tabung bagi MAE Tabung baharu yang berkait dengan Akaun Penyertaan), Garis Dasar adalah BPH dalam MAE Tabung yang berkait dengan Akaun Penyertaan dari bulan sebelum (atau RM1,000, yang mana lebih tinggi)

Contoh:

$$\begin{aligned} \text{Garis Dasar bagi bulan Okt'21} &= \text{BPH bagi bulan Sept'21} \\ &= \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian pada bulan Sept'21}}{30 \text{ hari}} \text{ ATAU RM2,000 (yang mana lebih tinggi)} \end{aligned}$$

13. Penyertaan daripada semua Pelanggan Yang Layak akan diambil kira secara automatik oleh sistem Maybank.
14. Melalui program pemilihan rawak Maybank, Pemenang akan dipilih setiap bulan dan selepas berakhir Tempoh Kempen daripada kumpulan Pelanggan Yang Layak ("**Pemenang**").

#### Hadiah Kempen

15. Kempen ini menawarkan Hadiah Wang Tunai yang akan dikreditkan ke dalam Akaun MAE (Maybank e-wallet)\*\* seperti berikut:

Kategori Hadiah	Bilangan Pemenang	Nilai Wang Tunai
Hadiah Bulanan (Oktober, November, Disember, Januari)	800 pemenang, iaitu 200 pemenang x 4 bulan	RM100.00 setiap pemenang
Hadiah Istimewa	40 pemenang	RM500.00 setiap pemenang

\*\* Tertakluk kepada pemenang mempunyai Akaun MAE (jika tiada, wang tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan yang menang).

\*\*\* Semua hadiah akan dikreditkan selepas Tempoh Kempen – rujuk klausa 17(i).

16. Setiap Pelanggan Yang Layak hanya berhak memenangi secara maksima satu (1) hadiah bulanan dan satu (1) hadiah istimewa.

#### 17. Pengedaran Hadiah

- i. Hadiah Kempen akan diedarkan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas Tempoh Kempen berakhir, iaitu sebelum 30 April 2022.
- ii. Pemenang perlu memegang Akaun MAE (atau sekurang-kurangnya satu (1) Akaun Penyertaan yang sah dan aktif) untuk pengkreditan hadiah wang tunai.
- iii. Sebarang hadiah yang tidak berjaya dikreditkan akan dibatalkan.
- iv. Selepas pengedaran, Maybank tidak akan bertanggungjawab lagi ke atas penggunaan Hadiah.
- v. Pelanggan Yang Layak yang ingin menerima pemberitahuan kemenangan melalui *push notifications* dalam aplikasi Maybank2u perlu didaftar dalam Maybank2u dan perlu kekal sebagai pengguna aktif aplikasi Maybank2u.
- vi. Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah (nilai yang akan ditentukan oleh Maybank) atas sebab-sebab yang dianggap wajar oleh Maybank. Maybank akan memberitahu Pemenang melalui mana-mana cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh Maybank.
- vii. Hadiah akan diberi secara sedia ada ('as is' basis) dan tidak boleh dipindah milik atau ditukarkan, dan tertakluk kepada Terma dan Syarat.
- viii. Pemenang bertanggungjawab untuk memastikan maklumat perhubungan yang disimpan dalam rekod Maybank adalah terkini.

18. Pemenang mungkin dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain apabila diperlukan (jika ada) dan Pemenang bersetuju untuk mendedahkan maklumat berkaitan melalui mana-mana cara yang ditentukan oleh Maybank. Kegagalan untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain mungkin akan menyebabkan pembatalan Hadiah.

19. Pelanggan Yang Layak yang menutup akaun sebelum pemilihan Pemenang dan pengkreditan hadiah diselesaikan dan dimaklumkan tidak layak menerima Hadiah Kempen ini.
20. Hanya Akaun Penyertaan yang aktif sahaja layak menyertai Kempen ini. Akaun Penyertaan dalam status tidak aktif ('dormant') tidak akan diambil kira.
21. Keputusan Maybank mengenai semua perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau usaha untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan sama sekali.
22. Gambar Hadiah yang dipamerkan dalam iklan, promosi, dan bahan-bahan publisiti lain berkaitan dengan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan spesifikasi sebenar mungkin berbeza.
23. Sebarang pertikaian berkaitan kualiti, kebolehdagangan dan/atau jaminan Hadiah (yang berkenaan) mesti diselesaikan antara Pemenang dengan pengedar/pembekal tanpa melibatkan Maybank. Maybank tidak bertanggungjawab atas pelanggaran kualiti atau jaminan Hadiah, atau apa-apa terma dan syarat yang berkaitan.
24. Setiap Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab secara peribadi keatas segala cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada.
25. Jika terdapat apa-apa pertikaian (kecuali pertikaian di bawah Klausula 23) berkaitan pengedaran hadiah atau tiada penerimaan Hadiah, Pemenang dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di 1300 88 6688 untuk meminta siasatan dijalankan. Permintaan terhadap apa-apa siasatan tidak akan dilayan selepas 31 Mei 2022.

#### **Terma dan Syarat Am**

26. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan dan/atau kesalahan elektronik atau manusia dalam pengendalian dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2uBiz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat bahawa masalah bukan disebabkan oleh Maybank.
27. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, memanjangkan atau menamatkan keseluruhan Kempen ini atau sebahagiannya dan berhak meminda terma dan syarat yang berikut dari masa ke semasa dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar. Pemberitahuan berkenaan akan disiarkan melalui laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)) atau melalui kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank. Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab untuk dimaklumkan atau mendapatkan pemberitahuan sedemikian yang disiarkan secara sah.
28. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk melayari laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)) secara berkala untuk membaca terma dan syarat ini dan mendapatkan penjelasan dari Maybank sekiranya mana-mana terma dan syarat tidak difahami sepenuhnya.

- 29.** Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat serta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Maybank untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan Maybank, yang boleh dirujuk di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) (“Notis Privasi Kumpulan Maybank”).

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan terma dalam Notis Privasi Kumpulan Maybank, Pelanggan Yang Layak bersetuju dan memberi kebenaran untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka bagi:

- i) tujuan Kempen ini; dan
  - ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang media dan bahan iklan atau publisiti, seperti rakaman audio dan/atau visual yang dipaparkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media digital dan dalam talian dan Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan butiran yang diberikan dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu ramah, serta jawapan dan gambar berkaitan. Berkenaan ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai dalam sebarang aktiviti periklanan dan publisiti oleh Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.
- 30.** Maybank dan semua pegawai, pembantu, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tetapi tidak terhad kepada, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang langsung, tidak langsung, khas, atau diakibatkan oleh (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) atau berkaitan dengan Kempen ini, kecuali yang disebabkan oleh kelalaian atau pengecualian berat oleh Maybank.
- 31.** Maybank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian apa jua sifat sekalipun yang ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak yang berkenaan dengan penyertaan dalam Kempen ini. Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh kejadian sifat ‘force majeure’, termasuk tetapi tidak terhad kepada, tindakan ‘act of God’, peperangan, rusuhan, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Maybank.
- 32.** Maybank berhak mengikut budi bicaranya melucutkan/membatalkan/menolak kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau proses atau operasi Kempen ini, termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tipu muslihat dan/atau helah berkaitan dengan Kempen ini.
- 33.** Terma dan syarat yang dinyatakan disini berkuatkuasa mengikut Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
- 34.** Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklumbalas, dan/atau aduan mengenai Kempen ini, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di talian utama 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Selain itu, untuk maklumbalas dan/atau aduan, Pelanggan Yang Layak boleh menghantar emel kepada Maybank melalui borang maklumbalas di laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)).

## Lampiran

### Ilustrasi

	Akaun Penyertaan	Penambahan BPH dalam Akaun Penyertaan	Penambahan BPH dalam MAE Tabung yang berkait dengan Akaun Penyertaan	Maybank2u.Premier/ Maybank2u Savers	Mendaftar untuk Kempen #SaveUp melalui M2u	Penyertaan terkumpul bagi cabutan hadiah bulanan
A	✓	RM8,000	RM6,000	✓	✓	$(5 \times 4) + (5 \times 6) + 5 + 5 = 60$ penyertaan
B	✓	RM5,000	RM5,000	✓	✗	$(5 \times 2) + (5 \times 5) + 5 = 40$ penyertaan
C	✓	RM2,000	RM3,000	✗	✗	$(5 \times 1) + (5 \times 3) = 20$ penyertaan
D	✓	RM2,500	RM1,000	✗	✗	$(5 \times 1) + (5 \times 1) = 10$ penyertaan
E	✓	RM500	RM1,000	✗	✗	$(5 \times 0) + (5 \times 1) = 5$ penyertaan
F	✓	RM2,000	✗	✗	✗	$(5 \times 1) + (5 \times 0) = 5$ penyertaan
G	✓	RM1,500	✗			Tidak memenuhi kriteria penambahan BPH
H	✗					Tidak memenuhi kriteria akaun penyertaan

### Senario 1

- Pelanggan X tidak memegang akaun penyertaan pada bulan September 2021. Dia membuka Akaun Simpanan Kawanku pada bulan October 2021 dan menambah BPH sebanyak RM2,000. Pada bulan November 2021, dia membuka M2u Savers dan menambah BPH sejumlah RM2,000 dalam kedua-dua akaun penyertaan. Pada bulan Disember 2021, dia mula menggunakan MAE Tabung untuk menyimpan RM1,000 setiap bulan bagi matlamat kewangan dan mendaftarkan diri untuk kempen #SaveUp melalui M2u.

Bulan Kempen	Okt 2021	Nov 2021	Dis 2021	Jan 2022
Akaun Penyertaan	✓ (Akaun baharu)	✓	✓	✓
Garis Dasar BPH dalam Akaun Penyertaan [a]	0	2,000	4,000	2,000
BPH dalam Akaun Penyertaan bagi bulan tersebut [b]	2,000	4,000	1,000	5,000
Penambahan BPH dalam Akaun Penyertaan [b-a]	2,000	2,000	-3,000	3,000
Penyertaan Berkumpul [c]	$\frac{2,000}{2,000} \times 5 = 5 \text{ penyertaan}$	$\frac{2,000}{2,000} \times 5 = 5 \text{ penyertaan}$	$\frac{-3,000}{2,000} \times 5 = 0 \text{ penyertaan}$	$\frac{3,000}{2,000} \times 5 = 5 \text{ penyertaan}$
MAE Tabung yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan	×	×	✓ (Penubuhan Tabung baharu)	✓
Garis Dasar BPH dalam MAE Tabung yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan [d]	N/A	N/A	0	1,000
BPH dalam MAE Tabung yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan bagi bulan tersebut [e]	N/A	N/A	1,000	2,000
Penambahan BPH dalam MAE Tabung yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan [e-d]	N/A	N/A	1,000	1,000
Penyertaan Berkumpul [f]	$\frac{0}{1,000} \times 5 = 0 \text{ penyertaan}$	$\frac{0}{1,000} \times 5 = 0 \text{ penyertaan}$	$\frac{1,000}{1,000} \times 5 = 5 \text{ penyertaan}$	$\frac{1,000}{1,000} \times 5 = 5 \text{ penyertaan}$
M2u.Premier/M2u Savers	×	✓	✓	✓
Pendaftaran Kempen	×	×	✓	✓
Penyertaan Bonus Berkumpul [g]	0	5	10	10
Jumlah Penyertaan Berkumpul bagi cabutan hadiah bulanan [c+f+g]	<b>5 penyertaan</b>	<b>10 penyertaan</b>	<b>15 penyertaan</b>	<b>20 penyertaan</b>
Kelayakan bagi Cabutan Hadiah Istimewa	✓			

Senario 2

- Pelanggan Y tidak memegang akaun penyertaan pada bulan September 2021. Dia membuka Maybank2u.Premier pada bulan November 2021 dan mula menyimpan dalam akaun setiap bulan.

Bulan Kempen	Okt 2021	Nov 2021	Dis 2021	Jan 2022
Akaun Penyertaan	x	✓ (Akaun baharu)	✓	✓
Garis Dasar BPH dalam Akaun Penyertaan [a]	N/A	0	2,000	4,000
BPH dalam Akaun Penyertaan bagi bulan tersebut [b]	N/A	1,000	4,000	7,000
Penambahan BPH dalam Akaun Penyertaan [b-a]	N/A	1,000	2,000	3,000
Penyertaan Berkumpul [c]	$\frac{0}{2,000} \times 5 = 0 \text{ penyertaan}$	$\frac{1,000}{2,000} \times 5 = 0 \text{ penyertaan}$	$\frac{2,000}{2,000} \times 5 = 5 \text{ penyertaan}$	$\frac{3,000}{2,000} \times 5 = 5 \text{ penyertaan}$
MAE Tabung yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan	x	x	x	x
Garis Dasar BPH dalam MAE Tabung yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan [d]	N/A	N/A	N/A	N/A
BPH dalam MAE Tabung yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan bagi bulan tersebut [e]	N/A	N/A	N/A	N/A
Penambahan BPH dalam MAE Tabung yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan [e-d]	N/A	N/A	N/A	N/A
Penyertaan Berkumpul [f]	$\frac{0}{1,000} \times 5 = 0 \text{ penyertaan}$	$\frac{0}{1,000} \times 5 = 0 \text{ penyertaan}$	$\frac{0}{1,000} \times 5 = 0 \text{ penyertaan}$	$\frac{0}{1,000} \times 5 = 0 \text{ penyertaan}$
M2u.Premier/M2u Savers	x	✓	✓	✓
Pendaftaran Kempen	x	x	x	x
Penyertaan Bonus Berkumpul [g]	0	0 (Tidak memenuhi kriteria penambahan BPH)	5	5
Jumlah Penyertaan Berkumpul bagi cabutan hadiah bulanan [c+f+g]	<b>0 penyertaan</b>	<b>0 penyertaan</b>	<b>10 penyertaan</b>	<b>10 penyertaan</b>
Kelayakan bagi Cabutan Hadiah Istimewa	x <b>(Tidak memenuhi kriteria pada bulan Oktober &amp; November)</b>			



Senario 3

- Pelanggan Z ialah seorang pelanggan sedia ada yang memegang Akaun Simpanan Asas dan Maybank2u Savers. Dia rajin berjimat cermat untuk menyimpan dalam akaun-akaun setiap bulan.

Bulan Kempen	Okt 2021	Nov 2021	Dis 2021	Jan 2022
Akaun Penyertaan	✓	✓	✓	✓
Garis Dasar BPH dalam Akaun Penyertaan [a]	4,000 (BPH bagi bulan Sept 2021)	6,000	10,000	13,000
BPH dalam Akaun Penyertaan bagi bulan tersebut [b]	6,000	10,000	13,000	18,000
Penambahan BPH dalam Akaun Penyertaan [b-a]	2,000	4,000	3,000	5,000
Penyertaan Berkumpulan [c]	$\frac{2,000}{2,000} \times 5 = 5 \text{ penyertaan}$	$\frac{4,000}{2,000} \times 5 = 10 \text{ penyertaan}$	$\frac{3,000}{2,000} \times 5 = 5 \text{ penyertaan}$	$\frac{5,000}{2,000} \times 5 = 10 \text{ penyertaan}$
MAE Tabung yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan	x	x	x	x
Garis Dasar BPH dalam MAE Tabung yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan [d]	N/A	N/A	N/A	N/A
BPH dalam MAE Tabung yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan bagi bulan tersebut [e]	N/A	N/A	N/A	N/A
Penambahan BPH dalam MAE Tabung yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan [e-d]	N/A	N/A	N/A	N/A
Penyertaan Berkumpulan [f]	$\frac{0}{1,000} \times 5 = 0 \text{ penyertaan}$	$\frac{0}{1,000} \times 5 = 0 \text{ penyertaan}$	$\frac{0}{1,000} \times 5 = 0 \text{ penyertaan}$	$\frac{0}{1,000} \times 5 = 0 \text{ penyertaan}$
M2u.Premier/M2u Savers	✓	✓	✓	✓
Pendaftaran Kempen	x	x	x	x
Penyertaan Bonus Berkumpulan [g]	5	5	5	5
Jumlah Penyertaan Berkumpulan bagi cabutan hadiah bulanan [c+f+g]	<b>10 penyertaan</b>	<b>15 penyertaan</b>	<b>10 penyertaan</b>	<b>15 penyertaan</b>
Kelayakan bagi Cabutan Hadiah Istimewa	✓			